



PEMBERITAHUAN

LEMBAGA SUMBER AIR NEGERI KEDAH

PERUBAHAN TERKINI MENGENAI TARIKH KUAT KUASA LESEN PENGABSTRAKAN AIR (LPA)

Dengan hormat sukacita dimaklumkan bahawa bermula **1 Oktober 2021** bersamaan dengan **23 Safar 1443H**, Lembaga Sumber Air Negeri Kedah akan menyelaraskan semula tarikh kuat kuasa lesen sedia ada kepada **1 Januari**. Penyelarasan ini tidak tertakluk kepada aktiviti pengabstrakan air bagi kegunaan komersial bahan batuan.

Penerangan bagi penyelarasan tersebut adalah seperti berikut:

A. JENIS PERMOHONAN LESEN PENGABSTRAKAN AIR MENGIKUT KATEGORI

Bagi permohonan baharu :

Bagi permohonan baharu yang diterima oleh pihak Lembaga bermula 1 Oktober 2021 sehingga 31 Disember 2021, lesen akan berkuat kuasa pada tahun semasa iaitu sehingga 31 Disember 2021 dan caj pengabstrakan air (dikira dari tarikh mula lesen sehingga 31 Disember 2021). Pemegang lesen dikehendaki untuk memperbaharui semula lesen pada 1 Januari 2022.

Bagi pemegang lesen yang telah memperbaharui lesen :

Lesen Pengabstrakan Air yang telah diperbaharui akan tamat mengikut lesen yang telah dikeluarkan oleh pihak Lembaga dan pemegang lesen dikehendaki untuk memperbaharui lesen sebelum lesen tersebut tamat. Pemegang lesen dikehendaki untuk membuat pembayaran Fi Lesen (RM 500) dan caj pengabstrakan air (dikira dari tarikh mula lesen sehingga 31 Disember 2022).

Bagi pemegang lesen yang belum memperbaharui lesen sebelum 1 Oktober 2021:

Setiap pemegang lesen yang telah tamat lesen dan masih belum membuat permohonan pembaharuan lesen dikehendaki untuk membuat pembayaran dan mendapatkan lesen pengabstrakan air dengan kadar **SEGERA**. Lesen yang diperbaharui akan berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2021 dan pemegang lesen dikehendaki untuk memperbaharui lesen semula pada 1 Januari 2022. Bagi tahun 2021, pemegang lesen dikehendaki untuk membuat pembayaran Fi Lesen (RM 500) dan caj pengabstrakan air (dikira dari tarikh tamat lesen sehingga 31 Disember 2021).

Ringkasan penerangan adalah seperti jadual berikut :

Kategori	Tarikh Kuat Kuasa Lesen	Fi Kena Bayar (RM)	
		Fi Lesen	Caj Pengabstrakan Air
Bagi Permohonan Baharu	Tahun 2021 : Tarikh Terima Bayaran sehingga 31 Disember 2021	Tahun 2021 : RM 500	Tahun 2021 : Bermula Tarikh Lesen sehingga 31 Disember 2021
	Tahun 2022 : 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022	Tahun 2022 : RM 500	Tahun 2022 : 1 Tahun (1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022)
Bagi Pemegang Lesen Yang Telah Memperbaharui Lesen	Tahun 2021 : Mengikut Lesen Sedia Ada	Tahun 2021 : Tiada	Tahun 2021 : Bermula Tarikh Lesen sehingga 31 Disember 2022
	Tahun 2022 : Bermula Tarikh Tamat Lesen sehingga Disember 2022	Tahun 2022 : RM 500	Tahun 2022 : 1 Tahun (1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022)
Bagi Pemegang Lesen Yang Belum Memperbaharui Lesen Sebelum 1hb Oktober 2021	Tahun 2021 : Tarikh Tamat Lesen sehingga 31 Disember 2021	Tahun 2021 : RM 500	Tahun 2021 : Bermula Tarikh Lesen sehingga 31 Disember 2021
	Tahun 2022 : 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022	Tahun 2022 : RM 500	Tahun 2022 : 1 Tahun (1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022)

Untuk makluman sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi Unit Pelesenan Pengabstrakan Air di talian 04-7027636 / 04-7027644 / 04-7027645 atau melalui emel Lembaga Sumber Air Negeri Kedah info@lsank.gov.my

Sekian disampaikan untuk makluman mengenainya.


[NOORULHUDA BINTI MOHAMMED ALI, AMK., BCK.]
 Pengarah
 Lembaga Sumber Air Negeri Kedah
 Tarikh: 22 Rabiulawal 1443H / 30 September 2021 (Khamis)
 Ruj: LSANK 600-9/2/4